



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENILAIAN PELAKSANAAN PROGRAM KEAGAMAAN TERHADAP PENGIMARAHAN MASJID ANGKATAN TENTERA MALAYSIA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

KAMARULZAMAN BIN ISA



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



si

**PENILAIAN PELAKSANAAN PROGRAM KEAGAMAAN TERHADAP
PENGIMARAHAN MASJID ANGKATAN TENTERA MALAYSIA**

KAMARULZAMAN BIN ISA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



UPSII/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **12** (haribulan) **NOVEMBER** (bulan) 20**24**.

i. Perakuan pelajar :

Saya, **KAMARULZAMAN BIN ISA / M20221001100 / FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN** dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk **PENILAIAN PELAKSANAAN PROGRAM KEAGAMAAN TERHADAP PENGIMARAHAN MASJID ANGKATAN TENTERA MALAYSIA** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejujurnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan penyelia :

Saya, **PROF. DR. AZMIL BIN HASHIM** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **PENILAIAN PELAKSANAAN PROGRAM KEAGAMAAN TERHADAP PENGIMARAHAN MASJID ANGKATAN TENTERA MALAYSIA** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian **MOD B** sebagai syarat untuk memperoleh Ijazah **SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM)**.

20 NOVEMBER 2024

Tarikh

Tandatangan penyelia

PROF. DR. AZMIL BIN HASHIM
JABATAN PENGAJIAN ISLAM
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENILAIAN PELAKSANAAN PROGRAM KEAGAMAAN
TERHADAP PENGIMARAHAN MASJID ANGKATAN
TENTERA MALAYSIA

No. Matrik / Matric's No : M20221001100

Saya / I : KAMARULZAMAN BIN ISA

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*


SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*


TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS


(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 20 NOV 2024


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

PROF. DR. AZMIL BIN HASHIM
JABATAN PENGAJIAN ISLAM
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW dan keluarga Baginda serta para sahabat. Pertamanya saya merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah keizinan serta inayah-Nya yang telah mengurniakan kekuatan dan kesempatan kepada saya untuk menyempurnakan kajian ini. Sesungguhnya setiap perjalanan kepada sebuah langkah yang menuju kejayaan tidak akan bertemu dengan titik akhir tanpa bantuan dan dorongan dari pelbagai pihak. Justeru, di kesempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Dr. Azmil bin Hashim selaku penyelia saya yang telah banyak mencurahkan segala ilmu, bimbingan dan tunjuk ajar tanpa mengira masa dan waktu. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh pensyarah di Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan di atas khidmat nasihat, input yang berguna serta bimbingan yang berterusan sama ada dalam dewan kuliah atau di luar kampus. Seterusnya ucapan terima kasih ditujukan kepada seluruh staf dan kakitangan di pejabat akademik, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris di atas bantuan dan informasi yang diberikan untuk menyiapkan kajian ini. Seterusnya, ucapan jutaan terima kasih ditujukan juga kepada kakitangan akademik dan pentadbiran di Institut Pengajian Siswazah, Universiti Pendidikan Sultan Idris di atas khidmat nasihat dan bantuan sepanjang sesi pengajian saya di universiti terutamanya untuk menyiapkan kajian ini. Di kesempatan ini juga, saya mengambil peluang untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ketua Pengarah Kor Agama Angkatan Tentera, Mejar Jeneral Dato' Hj Mohd Rashidi bin Bujai yang telah memberikan kelulusan dan sokongan kepada saya untuk menyambung pengajian dan mendorong saya untuk melaksanakan kajian ini. Juga seluruh pegawai dan staf di Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) yang banyak membantu saya dari aspek pentadbiran dan pengurusan. Sekalung al-Fatihah dan titipan doa semoga Allah SWT mengampuni dan mencucuri rahmat buat kedua ayahanda dan bonda tercinta Allahyarham Isa bin Nor dan Allahyarham Azimah binti Derahman di atas jasa dan pergorbanan semasa hayat mereka mendidik dan membesarkan saya sehingga ke akhir hayat mereka. Semoga Allah SWT mengurniakan balasan terbaik iaitu "Jannatul Firdaus" buat mereka. Akhir sekali buat insan teristimewa isteri tersayang Puan Nor Azila binti Ab Kadir dan anak-anak yang turut berkongsi kesabaran, memahami situasi kepayahan dan berkorban apa saja demi untuk memastikan pengajian saya dan kajian ini mencapai kejayaan. Semoga Allah SWT melimpahi ke atas kalian dan kita semua dengan rahmat, keredaan dan perlindungan yang berkekalan. Semoga setiap amal bakti dikira sebagai amal khair yang akan mendapat balasan setimpal di sisi Allah SWT.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai pelaksanaan program keagamaan terhadap pengimarahkan Masjid Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Objektif kajian yang ditetapkan bagi mencapai tujuan tersebut iaitu: (1) mengenal pasti tahap penerimaan anggota tentera berdasarkan elemen konteks, input, proses dan produk dalam pelaksanaan program keagamaan terhadap pengimarahkan Masjid ATM; (2) menganalisis perbezaan berdasarkan demografi anggota tentera dengan hasil pencapaian program; dan (3) menganalisis hubungan di antara elemen konteks, input dan proses dengan hasil pencapaian program. Kajian ini telah mengadaptasi satu model penilaian iaitu model CIPP dari Stufflebeam (1971). Rekabentuk kajian ini adalah pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen. Sampel terdiri daripada 380 anggota tentera dari tiga Masjid ATM yang terdapat di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia. Data kajian ini di analisis dengan perisian *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) Version 27* secara deskriptif dan inferensi menggunakan analisis min, Ujian T, ANOVA dan korelasi Pearson. Dapatan kajian mendapati tahap penerimaan konteks pelaksanaan program pada keseluruhannya berada pada tahap “Tinggi” dengan nilai skor min iaitu (min=4.6447, sp=.379). Tahap penerimaan elemen input pelaksanaan program juga pada keseluruhannya berada pada tahap “Tinggi” dengan nilai skor min iaitu (min=4.5017, sp=.396), manakala tahap penerimaan proses pelaksanaan program juga pada keseluruhannya berada pada tahap “Tinggi” dengan nilai skor min iaitu (min=4.3981, sp=.485). Tahap pencapaian hasil pelaksanaan program juga pada keseluruhannya berada pada tahap “Tinggi” dengan nilai skor min iaitu (min=4.5403, sp=.453). Dapatan juga menunjukkan perbezaan yang signifikan berkaitan jantina dan tempoh perkhidmatan anggota dengan hasil pencapaian program, manakala tidak terdapat perbezaan yang signifikan berkaitan dengan umur dan pangkat responden. Dalam menganalisis hubungan di antara elemen konteks, input dan proses dengan hasil pencapaian pelaksanaan program, dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan bagi ketiga-tiga elemen iaitu konteks, input dan proses dengan hasil pencapaian pelaksanaan program. Implikasi kajian menunjukkan penerimaan anggota tentera terhadap pencapaian pelaksanaan program berada pada tahap “Tinggi”, namun terdapat beberapa item input dan proses perlu dipertingkatkan. Kajian ini memberi implikasi mendalam kepada Jawatankuasa Imarah Masjid ATM untuk perancangan masa hadapan dan kepada Jabatan Arah KAGAT untuk mengemaskini sukatan pengajian, serta kepada pegawai dan anggota KAGAT ke arah mempertingkatkan kompetensi tenaga pengajar.

THE EVALUATION OF RELIGIOUS PROGRAM IMPLEMENTATION ON THE REVITALIZATION OF THE MALAYSIAN ARMED FORCES MOSQUE

ABSTRACT

This study aims to evaluate the implementation of religious program towards the revitalization of the Malaysian Armed Forces Mosque. The objectives of the study set to achieve these goals are: (1) identifying the level of acceptance of military personnel based on elements of context, input, process and product in the implementation of religious programs for the revitalization of the Malaysian Armed Forces Mosque; (2) analyze differences based on the demographics of military personnel with program achievement results; and (3) analyze the relationship between elements of context, input and process with program achievement results. This study has adapted an evaluation model which is the CIPP model from Stufflebeam (1971). The design of this study is a quantitative approach in the form of a survey using a questionnaire as an instrument. The sample consisted of 380 military personnel from three the Malaysian Armed Forces Mosques located at the Royal Malaysian Naval Base. The data of this study was analyzed with Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) Version 27 descriptively and inferentially using mean analysis, T-Test, ANOVA and Pearson's correlation. The findings of the study found that the overall level of acceptance of the context of program implementation was at a "High" level with a mean score value of (mean=4.6447, sd=.379). The level of acceptance of the program implementation input elements is also at the "High" level with a mean score value of (mean=4.5017, sd=.396), while the level of acceptance of the program implementation process is also at the "High" level with a mean score value of (mean=4.3981, sd=.485). The level of achievement of program implementation results is also at the "High" level with a mean score value of (mean=4.5403, sd=.453). Findings also show a significant difference in relation to the gender and length of service of members with program achievement results, while there is no significant difference in relation to the age and rank of the respondents. In analyzing the relationship between the elements of context, input and process with the results of program implementation, the findings of the study show that there is a significant relationship for all three elements, namely context, input and process with the results of program implementation. The implications of the study show that the acceptance of military personnel towards the achievement of program implementation is at a "High" level, but there are some input items and processes that need to be improved. This study gives deep implications to the Committee of the Malaysian Armed Forces Mosque for future planning and to the KAGAT Head Quarters to update the curriculum, as well as to KAGAT officers and members towards improving the competence of teaching staff.

Keywords: Evaluation, Religious Program, Revitalization, Malaysian Armed Forces Mosque

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN ii

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v

KANDUNGAN vii

SENARAI JADUAL xii

SENARAI RAJAH xv

SENARAI SINGKATAN xiv

SENARAI LAMPIRAN xvi

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 5

1.3 Permasalahan Kajian 8

1.4 Objektif Kajian 10

1.5 Persoalan Kajian 11

1.6 Hipotesis Kajian 12

1.7 Kerangka Teori Kajian 13

1.8 Kerangka Konseptual Kajian 18

1.8.1 Penilaian Konteks 19

1.8.2 Penilaian Input 20

1.8.3 Penilaian Proses 21

1.8.4 Penilaian Produk 21

1.9	Definisi Operasional Kajian	22
1.9.1	Penilaian	22
1.9.2	Program Keagamaan Angkatan Tentera Malaysia	23
1.9.3	Masjid Angkatan Tentera Malaysia	24
1.9.4	Perintah Majlis Angkatan Tentera Bilangan 9 Tahun 1991 (PMAT 9/91)	25
1.9.5	Arahan Pentadbiran Kor Agama Angkatan Tentera No. 16	25
1.9.6	Jawatankuasa Imarah Masjid Angkatan Tentera (JIMAT)	26
1.10	Batasan Kajian	27
1.11	Kepentingan Kajian	28
1.12	Kesimpulan	30

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	32
2.2	Pengimarahkan Keagamaan Di Masjid ATM	34
2.2.1	Isu Berkaitan Sukatan, Isi Kandungan dan Tenaga Pengajar	36
2.3	Konsep, Peranan dan Falsafah Masjid	39
2.4	Dasar Pengurusan Masjid ATM	42
2.4.1	Jawatankuasa Imarah Masjid Angkatan Tentera (JIMAT)	42
2.5	Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam ATM (DPMKI ATM)	46
2.6	Pelaksanaan Perkhidmatan Keagamaan Dalam ATM	50
2.7	Arahan Pentadbiran Kor Agama Angkatan Tentera No. 16	53
2.7.1	Pentafsiran Kandungan DPMKI ATM	54
2.7.2	Huraian Pelaksanaan DPMKI ATM	59
2.8	Isi Kandungan dan Sukatan Pengajian di Masjid ATM	65
2.9	Tenaga Pengajar di Masjid ATM	68
2.9.1	Pegawai dan Anggota KAGAT	69

2.9.2	Pengkuliah Awam Jemputan Agensi Luar atau Awam	71
2.10	Alat Bantu Mengajar dan Infrastruktur	72
2.11	Teori <i>al-Muslimun wa at-Tarbiyah al-Askariyah</i>	76
2.11.1	<i>Tarbiyah Ruhiah</i> (pendidikan spiritual)	79
2.11.2	<i>Tarbiyah Nafsiyah</i> (pendidikan mental)	80
2.11.3	<i>Tarbiyah Ijtima'iyah</i> (pendidikan kemasyarakatan/sosial)	81
2.12	Kajian-kajian Lepas	82
2.13	Kesimpulan	86

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	87
3.2	Reka Bentuk Kajian	88
3.3	Populasi dan Sampel	89
3.3.1	Populasi Kajian	90
3.3.2	Sampel Kajian	91
3.4	Pensampelan	92
3.5	Instrumen Kajian	95
3.5.1	Soal Selidik	95
3.5.2	Bahagian A: Soal Selidik Ciri-ciri Demografi	97
3.5.3	Bahagian B: Soal Selidik Konsep dan Matlamat	97
3.5.4	Bahagian C: Soal Selidik Input	98
3.5.5	Bahagian D: Soal Selidik Proses	99
3.5.6	Bahagian E: Pencapaian Program	99
3.6	Kajian Rintis	100
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik	101
3.7.1	Kesahan Kandungan	103
3.7.2	Kebolehpercayaan Instrumen	104
3.8	Kaedah Pengumpulan Data	106

3.8.1	Soal Selidik	106
3.8.2	Prosedur Sebelum Menjalankan Kajian	107
3.8.3	Prosedur Semasa Menjalankan Kajian	108
3.9	Kaedah Analisis Data	108
3.9.1	Analisis Statistik Deskriptif	109
3.9.2	Analisis Statistik Inferensi Perbezaan	112
3.9.3	Analisis Statistik Inferensi Hubungan	113
3.10	Kesimpulan	115

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	116
4.2	Latar Belakang Responden	117
4.3	Analisis Deskriptif Terhadap Penilaian Berdasarkan Modul CIPP	122
4.3.1	Konteks Pelaksanaan Program Keagamaan	122
4.3.2	Input Pelaksanaan Program Keagamaan	134
4.3.3	Proses Pelaksanaan Program Keagamaan	151
4.3.4	Pencapaian Program Keagamaan	162
4.4	Analisis Inferensi Perbezaan	169
4.4.1	Perbezaan Tahap Pencapaian Berdasarkan Jantina	170
4.4.2	Perbezaan Tahap Pencapaian Berdasarkan Umur	171
4.4.3	Perbezaan Tahap Pencapaian Berdasarkan Pangkat	172
4.4.4	Perbezaan Tahap Pencapaian Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan	173
4.5	Analisis Inferensi Hubungan	177
4.5.1	Analisis Inferensi Hubungan Konteks Pelaksanaan Program	178
4.5.2	Analisis Inferensi Hubungan Input Pelaksanaan Program	179
4.5.3	Analisis Inferensi Hubungan Proses Pelaksanaan Program	180

4.6	Kesimpulan	182
BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN		
5.1	Pendahuluan	184
5.2	Ringkasan Kajian	185
5.3	Rumusan Kajian	190
5.4	Perbincangan	191
5.4.1	Maklumat Responden	192
5.4.2	Tahap Penilaian Konteks, Input, Proses dan Produk	194
5.4.3	Penilaian Inferensi Perbezaan Hasil Pencapaian Berdasarkan Data Demografi Anggota	207
5.4.4	Penilaian Inferensi Hubungan Di Antara Konteks, Input Dan Proses Dengan Hasil Pencapaian Program	213
5.5	Cadangan Kajian	217
5.5.1	Penambahbaikan Aspek Konteks Pelaksanaan Program	218
5.5.2	Penambahbaikan Aspek Input Yang Terkandung Dalam Program	220
5.5.3	Penambahbaikan Aspek Proses Pelaksanaan Program	224
5.6	Implikasi Kajian	225
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	229
5.8	Kesimpulan	230
RUJUKAN		232
LAMPIRAN		

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2. 1	Aktiviti dan Jumlah Jam Pelaksanaan DPMKI ATM	49
3. 1	Ringkasan Item dalam Borang Soal Selidik	96
3.2	Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan	102
3. 3	Nilai Pekali Kebolehpercayaan Alpha Crobach Item Soal Selidik	105
3. 4	Interpretasi Skor Min Konteks Pelaksanaan Program	110
3. 5	Interpretasi Skor Min Input Pelaksanaan Program	111
3. 6	Interpretasi Skor Min Proses Pelaksanaan Program	111
3. 7	Interpretasi Skor Min untuk Hasil Pencapaian Pelaksanaan Program	111
3. 8	Interpretasi Nilai Korelasi	114
3. 9	Jenis Kaedah Analisis Data Berpandukan Persoalan Kajian	114
4. 1	Taburan Responden Berdasarkan Jantina	117
4. 2	Taburan Responden Berdasarkan Umur	118
4. 3	Taburan Responden Berdasarkan Status	119
4. 4	Taburan Responden Berdasarkan Pangkat	119
4. 5	Taburan Responden Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan	120
4. 6	Taburan Responden Berdasarkan Tahap Pendidikan Tertinggi	121
4. 7	Skor Min Tahap Penerimaan Konteks Pelaksanaan Program	123
4. 8	Frekuensi dan Peratusan Tahap Penerimaan Konteks Pelaksanaan Program	121
4. 9	Interpretasi Persepsi Anggota Tentera Bagi Konsep Pelaksanaan Program	125
4. 10	Frekuensi dan Peratusan Tahap Penerimaan Konsep Pelaksanaan Program	125

4. 11	Interpretasi bagi Matlamat Pelaksanaan Program	129
4. 12	Frekuensi dan Peratusan Tahap Penerimaan Matlamat Pelaksanaan Program	131
4. 13	Skor Min Tahap Penerimaan Input Pelaksanaan Program	135
4. 14	Frekuensi dan Peratusan Tahap Penerimaan Input Pelaksanaan Program	136
4. 15	Interpretasi bagi Isi Kandungan, Sukatan Pengajian dan Jadual Program	137
4. 16	Frekuensi dan Peratusan Tahap Penerimaan Isi Kandungan, Sukatan Pengajian dan Jadual Program	139
4. 17	Interpretasi Bagi Tenaga Pengajar (staf KAGAT dan Jemputan Luar)	143
4. 18	Frekuensi dan Peratusan Tahap Penerimaan Tenaga Pengajar	146
4. 19	Interpretasi bagi ABM dan Infrastruktur	146
4. 20	Frekuensi dan Peratusan Tahap Penerimaan ABM dan Infrastruktur	150
4. 21	Skor Min Tahap Penerimaan Proses Pelaksanaan Program	152
4. 22	Frekuensi dan Peratusan Tahap Penerimaan Proses Pelaksanaan Program	152
4. 23	Interpretasi Kaedah Pengajaran	153
4. 24	Frekuensi dan Peratusan Tahap Penerimaan Kaedah Pengajaran	157
4. 25	Interpretasi Strategi Penganjuran	158
4. 26	Frekuensi dan Peratusan Tahap Penerimaan Strategi Penganjuran	162
4. 27	Interpretasi Pencapaian Program	163
4. 28	Frekuensi dan Peratusan Tahap Pencapaian Program	169
4. 29	Keputusan Analisis Ujian T Dua Sampel Bebas (Tahap Pencapaian Berdasarkan Jantina)	167
4. 30	Keputusan Ujian ANOVA Sehala (Tahap Pencapaian Berdasarkan Umur)	171
4. 31	Keputusan Ujian ANOVA Sehala (Tahap Pencapaian Berdasarkan Pangkat)	169
4. 32	Keputusan Ujian ANOVA Sehala (Tahap Pencapaian Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan)	170
4. 33	Keputusan Ujian Perbezaan Post Hoc Multiple Comparisons	174

4. 34	Tahap Pencapaian Berdasarkan Analisis Scheffe	176
4. 35	Kesimpulan Dapatan Inferensi Perbezaan	177
4. 36	Analisis Korelasi (r) Konteks Pelaksanaan Program dengan Pencapaian Program	176
4. 37	Analisis Korelasi (r) Input Pelaksanaan Program dengan Pencapaian Program	177
4. 38	Analisis Korelasi (r) Proses Pelaksanaan Program dengan Pencapaian Program	178
4. 39	Kesimpulan Dapatan Inferensi Korelasi	181



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Teori Kajian berdasarkan Khalid Ahmad Syantut (2006)	15
1.2	Kerangka Konseptual Kajian adaptasi daripada Stufflebeam (1971)	19
3.1	Penetapan Saiz Sampel Mengikut Pensampelan Rawak Berstrata	95



SENARAI SINGKATAN

ABM	Alat Bantuan Mengajar
AJK	Ahli Jawatankuasa
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
BAKAT	Badan Amal dan Kebajikan Angkatan Tentera
BIJ ATM	Bahagian Inspektorat Jeneral Angkatan Tentera Malaysia
CIPP	<i>Contexts, Input, Process and Product</i>
DPMKI ATM	Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam Angkatan Tentera Malaysia
ICT	Teknologi Komunikasi dan Informasi
ILMI	Institut Latihan dan Kefahaman Islam ATM
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JIMAT	Jawatankuasa Imarah Masjid Angkatan Tentera
KAGAT	Kor Agama Angkatan Tentera
Kdr	Komander
KEMENTAH	Kementerian Pertahanan
LCD	Paparan Kristal Cecair
LK	Laskar Kanan
Lt Kdr	Leftenan Komander
Lt Kol	Leftenan Kolonel
MAT	Majlis Angkatan Tentera
MAWILLA	Markas Wilayah Laut
MD	Mean Difference



MKWK	Masjid Khalid al-Walid KEMENTAH
P & P	Pengajaran dan Pembelajaran
PIFA	Pendidikan Islam dan Fardu Ain
PMAT	Perintah Majlis Angkatan Tentera
PTTK	Pegawai Tanpa Tauliah Kanan
PTTR	Pegawai Tanpa Tauliah Rendah
Sig	Significant
sp	Sisihan Piawai
SPSS	Statistical Package for Social Science
TDM	Tentera Darat Malaysia
TLDM	Tentera Laut Diraja Malaysia
TUDM	Tentera Udara Diraja Malaysia



SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kebenaran Menjalankan Kajian dari Markas Tentera Laut
- B Borang Soal Selidik
- C Kesahan Muka dan Kesahan Kandungan oleh Pakar dari KAGAT



BAB 1

Pengenalan



Rasullullah SAW dan para sahabat kaum muhajirin dari Mekah al-Mukarramah telah melakukan penghijrahan ke Madinah al-Munawwarah atas wahyu Allah SWT yang memerintahkan agar melaksanakan misi hijrah tersebut. Ketika Rasulullah SAW tiba di Madinah yang dikenali Yathrib ketika itu, perkara pertama yang dilakukan dalam menyediakan infrastruktur di kota Madinah adalah membina masjid. Semua agenda berkaitan umat Islam pada masa itu diuruskan dari masjid. Masjid menjadi sebagai pusat ibadah, pusat ekonomi, dan masjid jugalah yang menjadi pusat ilmu pengetahuan, bahkan masjid juga dijadikan pusat ketenteraan (Ramdanil, 2020). Ini menunjukkan bahawa, masjid adalah merupakan suatu pusat yang penting bagi kehidupan umat Islam untuk terus melestarikan agenda dalam pembinaan sebuah pemerintahan atau ketamadunan.





Dr Mustafa al-Siba'ie menyebut dalam bukunya Al-Sirah Nabawiyyah (2021) menyatakan bahawa apabila tiba di Madinah, perkara atau urusan pertama yang dilakukan oleh Rasulullah SAW ialah membina masjid. Baginda memikirkan tentang tapak yang sesuai untuk merealisasikan pembinaan tersebut dan akhirnya Baginda SAW memilih tempat atau tapak binaan di mana unta yang ditunggang Baginda SAW berhenti dan duduk di situ. Apabila diselidiki, tempat cadangan tapak pembinaan masjid tersebut adalah milik dua orang kanak-kanak yatim dari kaum Ansar.

Daripada apa yang yang termaktub dalam sejarah pembinaan awal masjid oleh Rasulullah SAW, ianya menunjukkan peri pentingnya masjid dalam kehidupan umat Islam. Apatah lagi terdapat ayat al-Quran yang membicarakan tentang bukti keimanan seseorang itu adalah berdasarkan kepada aspek pengimaran masjid. Ini berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah At-Taubah ayat 18:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنِ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى
الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَن يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

Hanya yang memakmurkan masjid-masjid Allah ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian, serta tetap mendirikan solat, menunaikan zakat dan tidak takut (kepada siapapun) selain kepada Allah, maka merekalah orang-orang yang diharapkan termasuk golongan orang-orang yang mendapat petunjuk.

(Abdullah Muhammad Basmeih, 2013)

Dalam kitab Tafsir al-Quran al-'Azim., Ibnu Kathir (1996) mentafsirkan “memakmurkan masjid” adalah bermaksud membina, menjaga kebersihan, menyediakan dan melengkapkan kemudahan dan infrastrukturnya serta menjadikannya





sebagai pusat hebahan atau penyampaian maklumat. Konsep memakmurkan masjid juga adalah bermaksud mendirikan solat didalamnya terutamanya solat berjemaah, belajar dan mengajar ilmu-ilmu yang bermanfaat terutamanya ilmu yang paling agung adalah belajar dan mengajar al-Quran. Selain itu, konsep pengimarahkan masjid adalah mempergiatkan aktiviti ibadat-ibadat lain di dalamnya tanda ketaatan kepada Allah SWT serta mengikhlaskan semua bentuk ibadah hanya untuk mencari reda Allah SWT semata-mata. Sehubungan itu, ayat 18 Surah at-Taubah ini menunjukkan ciri-ciri muslim yang terbaik adalah muslim yang sentiasa mengimarahkan masjid dengan ikhlas dan sentiasa mempergiatkan aktiviti-aktiviti ibadat di masjid terutamanya kaum lelaki.

Dalam mengoptimumkan pengimarahkan masjid, antara aktiviti yang perlu disuburkan dan perlu diberi penambahbaikan adalah berkaitan dengan pelaksanaan program-program keagamaan. Dengan kata lain, masjid perlu dihidupkan dengan pelaksanaan program keagamaan yang berimpak tinggi dengan mengikut konsep dan strategi yang berkesan agar tahap pencapaian pengetahuan dan amalan jemaah boleh dicapai pada tahap tinggi sekaligus memberi kesan kepada nilai ibadat mereka. Dalam memenuhi objektif ini, penganjuran pelbagai program dan aktiviti pengimarahkan masjid masa kini seharusnya menepati dengan kesesuaian dan kehendak pembangunan masyarakat Islam yang berada dalam era kontemporari atau yang bersifat semasa. Justeru, program pengimarahkan masjid yang dilaksanakan seharusnya bersifat menyeluruh agar elemen-elemen keberkesanannya dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa (Suhardi, Abdul Kamil & Mohd Nordin, 2022).



Dalam hubungan ini juga, fadilat pengimarah masjid ini amatlah besar ganjarannya seperti yang telah disabdakan oleh Baginda Rasulullah SAW. Dalam Irsyad al-Hadith Siri ke-336 keluaran Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan memetik satu hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Thabarani iaitu dari Abi Umamah r.a, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ عَدَا إِلَى الْمَسْجِدِ لَا يُرِيدُ إِلَّا أَنْ يَتَعَلَّمَ خَيْرًا أَوْ يَعْلَمَهُ، كَانَ لَهُ كَأَجْرِ حَاجٍ تَامًا حَجَّتُهُ

“Barangsiapa yang pergi ke masjid dengan tujuan untuk mempelajari sesuatu kebaikan atau mengajarkannya, maka baginya pahala seperti orang yang menunaikan haji dengan sempurna.”

(Riwayat al-Thabarani di dalam al-Mu’jam al-Kabir (7473), 2002)

Hadis ini jelas menceritakan tentang fadilat bagi mereka yang bertujuan untuk menuntut ilmu atau mempelajari sesuatu kebaikan dengan hadir ke masjid, maka Allah SWT akan mengurniakan ganjaran seperti menunaikan haji dengan sempurna iaitu haji yang *mabrur*.

Pendekatan yang utama dalam membentuk kehidupan manusia untuk menghayati ajaran agama sudah tentulah dengan memastikan setiap seorang muslim menerima pengajaran dan pembelajaran ilmu-ilmu keagamaan yang sesuai dengan tahap ketika usianya. Seperti apa yang dinyatakan oleh Ab. Halim (2021) bahawa strategi utama dalam membentuk kehidupan beragama seseorang itu sudah tentulah dengan memastikan mereka menerima pengajaran dan pembelajaran pendidikan keagamaan yang sesuai mengikut tahap usia mereka. Sesungguhnya menjadi



tanggungjawab Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) dalam menjayakan pengimarahannya di Masjid ATM terutama dalam melaksanakan program-program keagamaan bagi warga tentera dan keluarga.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pelaksanaan program keagamaan di Masjid ATM memenuhi aspirasi Perintah Majlis Angkatan Tentera Bilangan 9 Tahun 1991 berkaitan dasar pembinaan mental dan kerohanian ATM. Penerapan nilai-nilai agama ini memainkan peranan penting bagi dasar Pendidikan Islam dan Fardu Ain warga ATM. Usaha mempertingkatkan ilmu keagamaan dalam kalangan warga tentera giat dilaksanakan dengan dasar yang telah dikeluarkan dalam Perintah Majlis Angkatan Tentera Bilangan 9 Tahun 1991 (PMAT 9/91) yang mewajibkan anggota tentera melibatkan diri dalam aktiviti kerohanian sebanyak 857 jam setahun. Melalui dasar ini yang telah diwartakan dalam PMAT, maka ianya telah menjadi sumber punca kuasa dan arahan tertinggi kepada pelaksanaan Pendidikan Islam dalam ATM (Burhanuddin, 2019).

Masjid ATM memainkan peranan yang besar sebagai tempat penyebaran ilmu atau pendidikan keagamaan kepada para jemaah terutama kepada anggota tentera dan keluarga. Ini berdasarkan fungsi dan peranan penubuhan masjid itu sendiri seperti yang tercatat dalam lipatan *Sirah Nabawiyah* yang menjadikan masjid sebagai pusat aktiviti utama ummah. Aktiviti peningkatan pengetahuan dalam pendidikan juga sinonim dengan aktiviti pengimarahannya di masjid. Hal ini sangat penting kerana masyarakat yang





menerima pendidikan secara seimbang dan meliputi semua aspek ilmu dunia dan ukhrawi akan dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

Sehubungan itu, pengajaran dan pembelajaran dalam program keagamaan dalam kalangan warga tentera adalah sangat mustahak dan perlu kepada suatu perancangan dari aspek kaedah pengajaran dan strategi pelaksanaan program yang jelas dan menyeluruh. Apatah lagi anggota tentera adalah benteng pertahanan hadapan negara yang memerlukan kekuatan jasmani, rohani, emosi dan intelektual.

Pengajaran dan pembelajaran dalam program-program keagamaan di Masjid ATM kebanyakannya melibatkan penyertaan di kalangan golongan dewasa iaitu majoritinya adalah anggota tentera. Mereka ini perlu menghadirkan diri dalam program yang dianjurkan sama ada secara berkala mengikut arahan semasa atau yang hadir secara sukarela. Justeru, kaedah pengajaran yang sesuai perlu diselidiki bagi menjayakan sesuatu pengkuliahan atau sesi pengajaran dalam program keagamaan di Masjid ATM yang melibatkan golongan dewasa yang disebut pembelajaran menggunakan pendekatan Andragogi. Menurut Zamri, Zawawi, Yusri, Rusli dan Abdullah (2020) merumuskan bahawa pendekatan andragogi yang baik dan sempurna dapat memberikan kesan yang mendalam serta memberikan impak yang baik sebagai usaha menarik perhatian para peserta atau pendengar. Hal ini seterusnya akan menggalakkan sambutan kepada program pendidikan yang dianjurkan.

Selain itu, pembelajaran Andragogi (dewasa) juga merujuk kepada suatu proses di mana setiap individu dewasa yang terlibat dalam sesuatu program pendidikan meningkatkan ilmu pengetahuan (intelektual), sahsiah diri (sikap) serta peningkatan





kemahiran diri mereka. Oleh itu, peserta mempunyai keinginan yang tinggi terhadap kemahiran pengkuliah atau tenaga pengajar dalam penyampaian ilmu. Sehubungan itu, seperti mana yang diinginkan oleh para peserta, maka ianya akan membuka ruang kepada penambahbaikan penyampaian dan kaedah mengajar bagi seseorang pengkuliah atau pembimbing.

Dalam kajian yang dibuat oleh Mohamed Radzi, Burhanuddin dan Noor Azmi (2021) berkaitan pelaksanaan program Pendidikan Islam dan Fardu Ain anggota tentera di Lembah Klang telah merumuskan bahawa penyediaan kemudahan infrastruktur yang baik dalam program tersebut menjadikan ianya sebagai elemen pelengkap dan sekaligus meningkatkan penghayatan nilai Islam dalam kalangan anggota tentera. Justeru, penyediaan alat bantuan mengajar dan infrastruktur ini seharusnya diberikan penekanan dalam kandungan pelaksanaan program keagamaan di Masjid ATM. Sehubungan itu, kajian ini menganalisa berkaitan penyediaan alat bantuan mengajar dan infrastruktur yang tersedia di dalam program keagamaan di Masjid ATM.

Kajian ini berbentuk kuantitatif dilaksanakan dengan menggunakan rekabentuk tinjauan menggunakan instrumen soal selidik. Diharap kajian ini dapat membantu pihak pemegang taruh dalam memantapkan pelaksanaan program keagamaan di Masjid ATM seterusnya melahirkan pengamalan kerohanian yang jitu kepada warga tentera demi untuk melahirkan kekuatan tempur melalui kerohanian yang disebut sebagai *spiritual combat power*.



1.3 Permasalahan Kajian

Kajian ini ada hubungkaitnya dengan Pekeliling Panglima Pemerintahan Bantuan No.1/14, Markas Pemerintahan Bantuan, Pangkalan TLDM Lumut iaitu Kempen Jom Solat Berjemaah dan Aktiviti Keagamaan Markas Pemerintahan Bantuan (MB/N3/3218/1-(1) bertarikh 13 Feb 2014) yang menekankan aspek kehadiran anggota yang maksimum dalam program keagamaan di masjid. Permasalahan yang timbul adalah berkaitan kehadiran anggota dalam program keagamaan di masjid pangkalan yang kurang memberangsangkan terutamanya solat berjemaah. Ini menyebabkan program keagamaan yang dianjurkan dan yang dilaksanakan secara harian kurang mendapat sambutan. Justeru, pekeling ini bertindak sebagai arahan kepada pasukan sebagai rujukan kehadiran anggota.

Dalam Mesyuarat Jawatakuasa Pusat Masjid Khalid bin Al-Walid KEMENTAH (MKWK) Siri 1/2020 telah diminitkan dalam minit mesyuarat bertarikh 25 Mac 2020, wakil Markas Tentera Darat berpendapat bahawa MKWK tidak perlu menjemput “penceramah selebriti” yang memerlukan bayaran yang tinggi untuk melaksanakan program Pendidikan Islam atau kuliah-kuliah agama di masjid, sebaliknya penceramah yang diperlukan adalah yang dapat memberikan motivasi kepada jemaah dan ahli kariah MKWK (BPA-KAGAT(LOG)200-2/3/2, 2020). Perkara ini adalah berkaitan dengan kompetensi pengkuliah atau pembimbing yang melaksanakan program keagamaan di Masjid ATM yang merupakan elemen input pelaksanaan program.



Selain itu, dalam Minit Mesyuarat Bulanan Pengurusan Pusat Pembangunan Kerohanian Siri 5/2021 Pangkalan TLDM Lumut bertarikh 17 Sep 2021 telah merekodkan tentang cadangan Pengerusi Masjid An-Nur, Pangkalan TLDM Lumut untuk melaksanakan program pelupusan al-Quran lama. Program dilaksanakan dengan diadakan kelas tatacara teori dan praktikal di masjid untuk melaksanakan pelupusan al-Quran lama tersebut. Ianya sebagai satu pendedahan dan penambahan program pengukuhan ilmu di kalangan warga ATM di masjid ATM dengan kerjasama Pejabat Mufti Negeri Perak (KD MALAYA.100-7/1/11, 2021). Justeru, daripada isu yang ditimbulkan ini ada kaitan dengan program-program pengukuhan yang terkandung dalam sukatan pengajian yang menjadi input pelaksanaan program.

Dalam perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia, Modul Pendidikan Islam dan Fardu Ain (PIFA) ATM diwujudkan bertujuan untuk memastikan anggota tentera mengetahui dengan jelas tentang syariat Islam berdasarkan ilmu teras Pendidikan Islam. Kefahaman, amalan dan penghayatan terhadap ilmu yang berkaitan dengan Pendidikan Islam atau keagamaan dalam kalangan anggota tentera mampu menjadi benteng pertahanan diri untuk mengharungi kehidupan yang dipenuhi dengan pelbagai cabaran. Kegagalan memahami ilmu fardu ain dan kelekaan dalam mengamalkan ibadat fardu atau sunat akan menjadikan anggota tentera akan hilang arah di dalam kehidupannya dan akan mengundang kemurkaan Allah SWT (Kor Agama Angkatan Tentera, 2012).

Isu mengenai kerisauan berkaitan tahap pelanggaran disiplin berkaitan jenayah syarak dalam kalangan warga tentera telah dinyatakan dalam kajian Syukri Zahari (2018) yang bertajuk “Pengaruh Warga Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) Terhadap Penghayatan Agama Dalam Kalangan Warga Angkatan Tentera Malaysia”



mengutarakan peranan *murabbi* (pembimbing), perancangan dan pelaksanaan program serta sikap anggota KAGAT memberi kesan kepada penghayatan kerohanian anggota tentera, namun dipersoalkan mengapakah masih wujud kes-kes pelanggaran jenayah syarak di kalangan anggota tentera. Berdasarkan laporan Cawangan Provos Marshal ATM tahun 2022, kes yang melibatkan moral dan agama adalah sebanyak 33 kes pada tahun 2020 dan sebanyak 32 kes pada tahun 2021 (Sumber Penyata Cawangan Provos Marsyal ATM , 2022).

Sehubungan itu, satu kajian perlu dilaksanakan bagi menilai tahap konteks pelaksanaan program dan mengenalpasti proses serta input pelaksanaan program keagamaan yang dianjurkan di Masjid ATM. Konteks, proses dan input pelaksanaan program keagamaan ini adalah merupakan elemen yang ada hubungkait dengan pengimarahkan keagamaan yang seterusnya melahirkan warga tentera yang mempunyai kefahaman dan penghayatan beragama yang tinggi dalam kehidupan.

1.4 Objektif Kajian

Pendidikan keagamaan dan penerapan nilai-nilai Islam kepada warga tentera memerlukan kepada satu pelaksanaan program yang komprehensif dan berterusan di sepanjang perkhidmatan mereka. Dalam melaksanakan program keagamaan di masjid-masjid ATM, suatu kondisi yang sihat perlu diwujudkan demi melestarikan pendidikan keagamaan kepada warga tentera. Justeru, kajian ini menetapkan kepada enam objektif kajian iaitu seperti berikut:

- a. Mengenalpasti tahap penerimaan konteks pelaksanaan program keagamaan di Masjid ATM.
- b. Mengenalpasti tahap penerimaan input dalam pelaksanaan program keagamaan di Masjid ATM.
- c. Mengenalpasti tahap penerimaan proses yang digunakan dalam pelaksanaan program keagamaan di Masjid ATM.
- d. Mengenalpasti tahap hasil pencapaian terhadap pelaksanaan program keagamaan di Masjid ATM.
- e. Menganalisis perbezaan di antara data demografi anggota dengan hasil pencapaian pelaksanaan program keagamaan di Masjid ATM.
- f. Menganalisis hubungan di antara konteks, input dan proses dengan hasil pencapaian pelaksanaan program keagamaan di Masjid ATM.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif yang dibentuk, kajian ini menetapkan enam persoalan kajian.

Persoalan-persoalan kajian ialah seperti berikut:

- a. Apakah tahap penerimaan konteks pelaksanaan program keagamaan di Masjid ATM?
- b. Apakah tahap penerimaan input dalam pelaksanaan program keagamaan di Masjid ATM?
- c. Apakah tahap penerimaan proses yang digunakan dalam pelaksanaan program keagamaan di Masjid ATM?
- d. Apakah tahap hasil pencapaian terhadap pelaksanaan program keagamaan di Masjid ATM?
- e. Adakah terdapat perbezaan di antara data demografi anggota dengan hasil pencapaian pelaksanaan program keagamaan di Masjid ATM?
- f. Adakah terdapat hubungan di antara konteks, input dan proses dengan hasil pencapaian pelaksanaan program keagamaan di Masjid ATM?

1.6 Hipotesis Kajian

Ha1 Terdapat perbezaan yang signifikan di antara anggota lelaki dan perempuan dalam pencapaian pelaksanaan program keagamaan di Masjid ATM.



Ha2 Terdapat perbezaan yang signifikan berkaitan peringkat umur anggota dalam pencapaian pelaksanaan program keagamaan di Masjid ATM.

Ha3 Terdapat perbezaan yang signifikan di antara pegawai dan anggota lain-lain pangkat dalam pencapaian pelaksanaan program keagamaan di Masjid ATM.

Ha4 Terdapat perbezaan yang signifikan berkaitan tempoh perkhidmatan dalam pencapaian pelaksanaan program keagamaan di Masjid ATM.

Ha5 Terdapat hubungan yang signifikan antara konteks pelaksanaan program keagamaan dengan hasil pencapaian program keagamaan di Masjid ATM.



Ha6 Terdapat hubungan yang signifikan antara input pelaksanaan program keagamaan dengan hasil pencapaian program keagamaan di Masjid ATM.

Ha7 Terdapat hubungan yang signifikan antara proses pelaksanaan program keagamaan dengan hasil pencapaian program keagamaan di Masjid ATM.

1.7 Kerangka Teori Kajian


Khalid Ahmad Syantut (2006) dalam bukunya “*al-Muslimun wa at-Tarbiyah al-Askariyah*” telah menyebut tentang lima aspek pendidikan (*tarbiyah*) bagi pembinaan ketumbukan tentera dalam menghayati ajaran Islam serta pemahaman dan sekaligus mempunyai semangat berkaitan jihad. Elemen berkaitan aspek pendidikan ini sangat



penting kerana ianya dapat membina generasi muda mempunyai semangat ketenteraan yang mantap serta benar-benar menghayati Islam sekaligus memahami konsep jihad. Elemen pendidikan tersebut adalah seperti berikut:

- a. *Tarbiyah Ruhiyah* (pendidikan spiritual). Pendidikan ini adalah bermatlamat untuk membina kekuatan diri dari cabaran keduniaan dan kemewahan harta benda.
- b. *Tarbiyah Fikriyah* (pendidikan intelektual). Pendidikan ini adalah bermatlamat untuk membina dan menghayati aspek jihad yang sebenar dalam Islam.
- c. *Tarbiyah Nafsiyah* (pendidikan mental). Pendidikan ini adalah bermatlamat untuk mendidik dalam aspek bersedia untuk berkorban harta, jiwa dan raga demi Islam dan negara.
- d. *Tarbiyah Badaniyah* (pendidikan fizikal). Pendidikan ini adalah bermatlamat untuk membina kekuatan tenaga fizikal generasi muda menjadi lebih kuat dan berwibawa serta mampu menggalas cabaran berjuang di medan perang.
- e. *Tarbiyah Ijtima'iyah* (pendidikan kemasyarakatan). Pendidikan ini adalah bermatlamat untuk membina jiwa dan sifat terpuji agar memahami keperluan masyarakat dan sedia membantu pada sebilang masa. Selain itu, pendidikan ini bagi mendidik sikap bermesyuarat dan mampu membebaskan diri dari sikap negatif serta ego sekaligus menghindari sikap mementingkan diri sendiri.

Bagi memahami apa yang dinyatakan oleh Khalid Ahmad Syantut (2006), secara ringkasnya, teori tersebut boleh difahami melalui kerangka teori yang dipaparkan seperti di Rajah 1.1.



Rajah 1.1. Kerangka Teori Kajian berdasarkan Khalid Ahmad Syantut (2006)

Khalid Ahmad Syantut (2006) juga telah menekankan bahawa *Tarbiyah Askariyah* merupakan intipati *Tarbiyah Islamiyah* (Pendidikan Islam) kerana pendidikan ini mempunyai elemen intipati pendidikan yang merangkumi perkara-perkara berikut:

- a. Menepati perintah Allah SWT kepada kaum muslimin untuk bersiap sedia menghadapi musuh dengan segala kekuatan dan persenjataan supaya menjadi kegerunan kepada pihak musuh.

- b. Pendidikan ini mampu memenuhi tuntutan masa hadapan dan relevan dalam pembinaan semangat jihad bagi menjaga agama dan negara.
- c. Pendidikan ketenteraan ini adalah pendidikan yang komprehensif dan seimbang yang dapat membina aspek spiritual, intelektual, dan fizikal setiap individu.

Sehubungan itu, melalui intipati yang telah digariskan dalam *Tarbiyah Askariyah* (pendidikan ketenteraan) ini, maka pengisian pengetahuan dan amalan kerohanian kepada seseorang anggota tentera perlu dipenuhi. Proses ini yang juga penting kerana ianya sebagai proses penyucian jiwa kepada anggota tentera. Menurut Nadzri dan Najah (2018), proses pendidikan keagamaan kepada anggota tentera adalah sebagai *Tazkiyah al-Nafs* (penyucian jiwa) yang berfungsi untuk pembersihan dan penyuburan diri ke arah kebaikan dan seterusnya menyingkirkan segala unsur-unsur negatif yang tidak dikehendaki dalam diri seorang muslim.

Imam al-Ghazali (2008) dalam kitabnya “Ihya Ulumuddin” dalam bab *Fadilah Ta’alum* (keutamaan menuntut ilmu) menyatakan belajar adalah suatu proses pengalihan atau pemindahan ilmu pengetahuan daripada guru kepada murid. Dalam pengajaran dan pembelajaran, seseorang murid memerlukan seorang guru untuk menimba ilmu dan mempelajari suatu ilmu. Beliau juga menyatakan bahawa belajar adalah proses memanusiakan manusia sejak kelahirannya sehinggalah ke akhir hayat mereka. Melalui pelbagai ilmu pengetahuan yang disampaikan dalam bentuk pengajaran yang bertahap, sama ada daripada ibubapa atau guru, proses pembelajaran itu adalah untuk membentuk seseorang itu menuju ke arah mendekati diri kepada Allah SWT dan seterusnya menjadi manusia yang sempurna. Justeru itu, aspek



pendidikan keagamaan yang diterima secara langsung secara berguru adalah sangat penting dalam pendidikan keagamaan termasuklah bagi anggota tentera.

Seorang tokoh ilmuan Yusuf al-Qaradawi (2001) dalam bukunya “al-Ibadah fi al-Islam” menyatakan bahawa kuliah pengajian ilmu agama, ceramah atau seminar yang dilaksanakan di masjid atau tempat tertentu merupakan usaha dakwah untuk semua golongan masyarakat sama ada dewasa atau kanan-kanak. Pelaksanaan aktiviti di masjid yang tidak dikenakan bayaran ini adalah terbuka kepada sesiapa sahaja tanpa dikenakan syarat untuk menyertai sebarang aktiviti kerana masjid adalah pusat pengajian ilmu kepada ummah. Justeru, secara umumnya teori ini ada hubungkait dengan pelaksanaan aktiviti keagamaan di Masjid ATM bertujuan meningkatkan tahap kerohanian anggota tentera dengan menjadikan masjid dalam pangkalan atau kem-kem



tentera sebagai pusat pendidikan keagamaan dan pelaksanaan program-program keagamaan.

Kesimpulannya, daripada penjelasan para ulamak dan sarjana Islam seperti yang disebutkan, menunjukkan bahawa penghayatan kerohanian dan amal ibadat serta pembentukan semangat juang dalam diri dalam mermartabatkan agama mesti melalui proses pendidikan (*tarbiyah*). Penghayatan dan amalan keagamaan yang subur dan istiqamah mestilah didasari dengan ilmu pengetahuan yang mencukupi bagi menghasilkan sesuatu amal ibadat dan penghayatan keagamaan yang berkualiti. Sehubungan itu, kajian ini bertindak menilai pelaksanaan program keagamaan di Masjid ATM selaras dengan teori-teori proses pendidikan keagamaan seperti yang dinyatakan oleh para sarjana Islam tersebut.



1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Model CIPP merupakan suatu model penilaian yang diperkenalkan oleh Stufflebeam (1971). CIPP ialah kata singkatan untuk *Context* (konteks), *Input* (input), *Process* (proses) dan *Product* (hasil). Menurut Stufflebeam (1971), penilaian didefinisikan sebagai satu proses membuat garis panduan (*delineating*), mendapatkan (*obtaining*) dan membekalkan (*providing*) maklumat yang berguna untuk membuat keputusan yang betul. Beliau mempercayai bahawa penilaian ialah satu proses yang berterusan yang perlu dilaksanakan melalui satu program yang sistematik. Proses penilaian yang sistematik tersebut melibatkan tiga langkah yang utama iaitu membuat garis panduan penilaian, mendapatkan maklumat dan membekalkan maklumat tersebut kepada mana-mana pihak.

Menurut Stufflebeam (1971), langkah-langkah tersebut merupakan asas metodologi penilaian. Menurut Stufflebeam, Herold & Beulah (2003), model CIPP merupakan rangka kerja yang menyeluruh bagi membantu dalam melaksanakan penilaian secara formatif atau sumatif. Model hubungan langsung telah mengenalpasti struktur penting yang dapat dijadikan sebagai pemboleh ubah bebas menggunakan teori Konsep, Input, Proses dan Produk (Mohd Rashidi & Azmil, 2015). Sehubungan itu, pengkaji telah merujuk kepada model CIPP bagi kerangka konseptual kajian ini bagi membuat penilaian kepada pelaksanaan program. Dalam mengubahsuai model CIPP bagi kajian ini, kerangka konseptual dalam pelaksanaan kajian adalah seperti dipaparkan melalui Rajah 1.2.

Pemboleh Ubah Bebas**Pemboleh Ubah Bersandar**

Rajah 1.2. Kerangka Konseptual Kajian adaptasi daripada Stufflebeam (1971)

1.8.1 Penilaian Konteks

Penilaian konteks adalah perkara yang berkaitan dengan proses dan matlamat program. Penilaian konteks menumpukan kepada konsep keperluan dan cabaran untuk membantu mengenal pasti matlamat dan hasil pencapaian (produk) sesuatu program (Stufflebeam et al., 2003). Bagi pelaksanaan program keagamaan di Masjid ATM, penilaian konteks menilai bagaimana konsep pelaksanaan dibentuk berdasarkan kepada matlamat semasa dalam DPMKI ATM. Setiap program mempunyai matlamat dan objektif mengikut disiplin ilmu yang ditetapkan. Sebagai contoh, dalam aspek



pelaksanaan kuliah-kuliah agama, kursus-kursus kerohanian, ceramah-ceramah bulanan serta ceramah-ceramah Hari Kebesaran Islam, ianya membantu dalam menetapkan konsep dan hala tuju matlamat pelaksanaan program keagamaan tersebut. Selain itu, penilaian juga dijalankan bagi melihat sejauh mana konsep dan matlamat pelaksanaan program keagamaan selari dengan objektif dan misi DPMKI ATM.

1.8.2 Penilaian Input

Penilaian input adalah penilaian yang memfokuskan kepada sumber yang terlibat dalam membantu pencapaian matlamat dan objektif program (Stufflebeam et al., 2003). Dalam perancangan dan pelaksanaan sesuatu program, keyakinan tenaga pengajar atau pembimbing untuk menyampaikan pengajaran perlu juga dinilai kerana tenaga pengajar merupakan sumber yang penting untuk menentukan kejayaan dan keberkesanan sesuatu sesi pengajaran dalam sesuatu program. Sesungguhnya kejayaan sukatan pengajian banyak bergantung kepada keupayaan guru untuk melaksanakannya dengan penuh semangat dan dedikasi. Oleh itu, guru sepatutnya memahami terlebih dahulu tentang sesuatu sukatan pengajian dan pedagogi kandungan sesuatu pelajaran sebelum menyampaikan kepada para penuntut. Justeru dalam penilaian input, kajian terhadap sikap, kemahiran, pengetahuan penyampai kuliah dalam program keagamaan di Masjid ATM perlu dijalankan. Penilaian input juga melihat dalam aspek isi kandungan sukatan pengajian termasuklah alat bantuan mengajar dan infrastruktur yang tersedia.





1.8.3 Penilaian Proses

Penilaian proses tertumpu kepada strategi pelaksanaan program (Stufflebeam et al., 2003). Penilaian proses adalah penting untuk melihat perjalanan program yang dilaksanakan bertepatan dengan apa yang dirancang. Selain itu, dalam penilaian proses, dua strategi pelaksanaan akan dinilai iaitu kaedah melaksanakan pengajaran dan strategi penganjuran program. Penilaian proses juga bertujuan untuk menilai pendekatan atau kaedah pengajaran yang disampaikan oleh tenaga pengajar dalam program keagamaan di Masjid ATM. Perkara lain yang dinilai dalam penilaian proses juga ialah strategi pengajaran program keagamaan di Masjid ATM. Strategi penganjuran program ini berkisar kepada pengiklanan, penyebaran maklumat penganjuran dan arahan yang jelas.



1.8.4 Penilaian Produk

Penilaian produk tertumpu kepada hasil pencapaian program. Penilaian produk melihat kepada matlamat, objektif serta hasil pelaksanaan program iaitu tahap pencapaian anggota tentera dalam pelaksanaan program keagamaan. Penilaian produk dalam kajian ini adalah melihat kepada tahap penghayatan amalan kerohanian yang optimum dan kefahaman berkaitan ilmu-ilmu berkaitan pendidikan keagamaan. Natijah kepada tahap pencapaian adalah dapat melahirkan anggota tentera yang mempunyai kuasa tempur melalui kerohanian (*spiritual combat power*).



Keempat-empat pemboleh ubah bebas ini menjadi fokus untuk penilaian yang dibahagikan kepada elemen masing-masing seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.2. Keempat-empat fokus penilaian ini akan dinilai sebagai pemboleh ubah utama penilaian program. Ia berhubung terus kepada pemboleh ubah bebas yang mendasari Model CIPP iaitu konteks (*context*) input (*input*), proses (*process*) dan hasil (*product*). Keempat-empat pemboleh ubah bebas ini juga adalah faktor yang membawa kepada pengimarahannya di Masjid ATM.

1.9 Definisi Operasional Kajian

Definisi Operasional Kajian yang berkaitan dengan setiap pemboleh ubah dan topik dalam kajian ini dibahagikan seperti berikut:

1.9.1 Penilaian

Menurut Kamus Dewan (Edisi Keempat, 2017), penilaian bermaksud perihal atau perbuatan menilai atau perihal berkaitan pentaksiran. Menurut Stufflebeam (1971), penilaian didefinisikan sebagai satu proses membuat garis panduan (*delineating*), mendapatkan (*obtaining*) dan membekalkan (*providing*) maklumat yang berguna untuk membuat keputusan yang betul. Keputusan penilaian juga adalah untuk membantu dalam membuat sebarang keputusan atau untuk memastikan penerimaan tahap



pencapaian sesuatu pelaksanaan program atau untuk menilai matlamat dan objektif program yang berkenaan tercapai atau tidak tercapai.

Menurut Stufflebeam et al. (2003) juga menyatakan penilaian merupakan satu proses perancangan, pemerolehan, laporan dan pelaksanaan secara deskriptif. Penilaian ke atas maklumat dilaksanakan untuk menilai aspek kebaikan, nilai (*value*), kejujuran dan signifikan sesuatu objek. Penilaian ini juga untuk mengawal untuk membuat keputusan, kebertanggungjawaban, menyebarkan amalan yang efektif dan kefahaman yang mendalam terhadap sesuatu program pendidikan.

1.9.2 Program Keagamaan Angkatan Tentera Malaysia



Program keagamaan merupakan usaha-usaha dan perancangan yang dibuat bertujuan menyeru, mengajak dan seterusnya mendidik manusia supaya menerima Islam dan menghayati segala ajaran dalam kehidupan seharian, sama ada dalam kehidupan secara individu, masyarakat dan negara melalui cara yang telah ditetapkan oleh Islam (Noor Hafizah & Fakhrul Adabi, 2014). Menurut Muhammad Abu al-Fatah al-Bayānūnī (1991) mendefinisikan matlamat program keagamaan adalah signifikan dengan matlamat program dakwah atau matlamat dakwah itu sendiri. Tuntutan dakwah melibatkan rangkaian kegiatan atau proses dalam rangka mencapai matlamat tertentu. Matlamat ini berfungsi sebagai garis panduan atau pedoman bagi gerak langkah kegiatan dakwah. Ia boleh dijadikan panduan bagi menilai sejauh mana matlamat yang digariskan mencapai tujuannya. Oleh itu penetapan matlamat yang jelas dapat





membantu pendakwah dalam melakukan perancangan, strategi dan bentuk pelaksanaan yang akan digunakan bagi mencapai objektif yang digariskan.

Konsep pelaksanaan program keagamaan dalam aspek ketenteraan Malaysia adalah merujuk kepada Perintah Majlis Angkatan Tentera Bilangan 9 Tahun 1991 (PMAT 9/91) yang mana setiap warganegara Malaysia yang beragama Islam yang menyertai perkhidmatan ATM perlu mentaati agama Islam dengan sepenuhnya dan berusaha menghayatinya secara bersungguh-sungguh dengan penuh keinsafan. Melalui dasar ini juga, setiap anggota tentera yang beragama Islam diwajibkan menerima program pendidikan keagamaan dan penghayatan Islam sebanyak 857 jam setahun. Program keagamaan ini adalah bertujuan bagi pembinaan mental dan spiritual dengan bimbingan-bimbingan dan panduan-panduan tertentu yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa. Program keagamaan ini dilaksanakan dengan pelbagai konsep dan bertujuan mencapai matlamat yang telah digariskan.

1.9.3 Masjid Angkatan Tentera Malaysia

Dalam Arahan Pentadbiran Kor Agama Angkatan Tentera No. 9 menyatakan masjid-masjid dan surau-surau yang terdapat di dalam kem-kem tentera adalah merupakan bangunan rasmi kerajaan yang telah diletakkan di bawah pentadbiran dan pengurusan pasukan atau formasi (KP/MK ATM/BPA/KAGAT/NAZIR/703 (10) bertarikh 7 Sep 1996). Oleh itu, masjid dan surau ini perlu diurus dan ditadbir secara sistematik bagi memastikan peranannya sebagai pusat kegiatan masyarakat dapat dilaksanakan sebaik mungkin dan diimarahkan dengan giatnya oleh warga ATM demi mendapat keredaan





Allah SWT. Masjid ATM ini terletak dalam semua pangkalan atau kem atau kawasan rumah keluarga meliputi semua perkhidmatan iaitu Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

1.9.4 Perintah Majlis Angkatan Tentera Bilangan 9 Tahun 1991 (PMAT 9/91)

Perintah Majlis Angkatan Tentera Bilangan 9 Tahun 1991 (PMAT 9/91) adalah perintah berkaitan Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam Angkatan Tentera Malaysia (DPMKI ATM) yang diwartakan pada tahun 1991. Melalui PMAT ini, satu dasar telah diwartakan bagi memastikan setiap warganegara Malaysia yang beragama Islam yang menyertai perkhidmatan ATM perlu mentaati agama Islam dengan sepenuhnya dan berusaha menghayatinya dengan penuh keinsafan. Melalui dasar ini juga, setiap anggota tentera yang beragama Islam diwajibkan menerima pendidikan kerohanian serta program penghayatan Islam sebanyak 857 jam bagi tujuan pembinaan mental dan kerohanian Islam dengan bimbingan-bimbingan dan panduan-panduan tertentu yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa (PMAT 9/91). Terdapat dua bentuk pembinaan yang dibentangkan dalam dasar ini iaitu ketahanan spiritual dan ketahanan mental.

1.9.5 Arahan Pentadbiran Kor Agama Angkatan Tentera No. 16

Arahan Pentadbiran Kor Agama Angkatan Tentera No. 16 iaitu Pentafsiran Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam Dalam Angkatan Tentera Malaysia (PMAT 9/91) dikeluarkan pada 16 Nov 2005 bertujuan untuk mentafsirkan dan memberi garis





panduan terperinci kepada DPMKI ATM untuk dipatuhi dan dilaksanakan di semua formasi dan pasukan. Arahan ini merupakan arahan pelaksanaan terhadap pentafsiran DPMKI ATM untuk dilaksanakan sepenuhnya di ketiga-tiga perkhidmatan ATM. Arahan ini bermatlamat untuk mewujudkan satu tafsiran yang seragam terhadap arahan DPMKI ATM untuk dipatuhi oleh semua formasi dan pasukan. Arahan ini juga membantu formasi dan pasukan untuk melaksanakan DPMKI ATM secara seragam, bersistematik dan efektif. Selain itu, dalam arahan ini disediakan format-format pelaksanaan aktiviti keagamaan sebagaimana yang dikehendaki dalam arahan DPMKI ATM. Selain itu juga, arahan ini juga bermatlamat sebagai asas penilaian terhadap pencapaian pelaksanaan aktiviti keagamaan di formasi dan pasukan dalam ATM. (MATM/J1KAGAT/DWH/TARBIYAH/1039(33) bertarikh 16 Nov 2005).



1.9.6 Jawatankuasa Imarah Masjid Angkatan Tentera (JIMAT)

Semua masjid di dalam Angkatan Tentera Malaysia hendaklah ditadbirkan oleh satu jawatankuasa khas yang diberi nama Jawatankuasa Imarah Masjid Angkatan Tentera atau ringkasnya JIMAT. Ianya satu skop dalam Arahan Pentadbiran KAGAT No. 9 Peraturan Pentadbiran dan Pengurusan Masjid dan Surau Dalam Angkatan Tentera Malaysia (KP/MK ATM/BPA/KAGAT/NAZIR/703 (10) bertarikh 7 Sep 1996). Secara amanya jawatankuasa ini merupakan satu badan induk yang bertindak sebagai perancang, mengatur pelaksanaan dan mengawal segala aktiviti keagamaan di Masjid ATM. Jawatankuasa ini diberi panduan oleh Arahan Pentadbiran KAGAT No. 9 untuk merancang aktiviti Masjid ATM demi mewujudkan perancangan aktiviti keagamaan





yang rapi dan bersistematik. Hal ini akan menjamin keunggulan kepada pengimarahannya Masjid ATM.

1.10 Batasan Kajian

Mengikut data terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Arah KAGAT (2023), jumlah keseluruhan Masjid ATM ialah sebanyak 36 buah manakala Surau Diri Jumaat ATM adalah sebanyak 41 buah (BPA-KAGAT(MAS).100-1/9/4). Masjid dan Surau Diri Jumaat tersebut berada di bawah pemerintahan naungan Markas Perkhidmatan masing-masing iaitu Markas ATM, Markas TDM, Markas TLDM dan Markas TUDM. Pecahan senarai bilangan jumlah masjid dan Surau Diri Jumaat mengikut perkhidmatan iaitu Markas ATM mempunyai sebuah masjid dan enam buah Surau Diri Jumaat, Markas TDM mempunyai 26 buah masjid dan 26 buah Surau Diri Jumaat, Markas TLDM mempunyai empat buah masjid dan dua buah Surau Diri Jumaat manakala Markas TUDM mempunyai tiga buah masjid dan tujuh buah Surau Diri Jumaat.

Dalam kajian ini, limitasi pemilihan masjid dan Surau Diri Jumaat hanya melibatkan jemaah dan pengurusan masjid-masjid dalam naungan perkhidmatan TLDM bagi mewakili responden untuk tujuan kajian. Pemilihan ini dibuat berdasarkan kepada kepelbagaian perkhidmatan anggota yang terdiri dari anggota TDM, TLDM dan TUDM yang berkhidmat di Pangkalan TLDM. Justeru, para jemaah anggota yang terlibat sebagai sampel dalam populasi yang dipilih adalah pelbagai latar belakang. Masjid-masjid dan Surau Diri Jumaat yang terlibat adalah seperti berikut:



- a. Masjid An-Nur, Pangkalan TLDM Lumut, Perak.
- b. Masjid Ibnu Battuta, Pangkalan TLDM Kota Kinabalu, Sabah.
- c. Surau Al-Amin, TLDM Balok Perdana, Kuantan, Pahang.

Selain itu, masjid-masjid dan Surau Diri Jumaat ini juga dipilih kerana mewakili zon-zon di Malaysia iaitu zon Borneo, Pantai Barat Semenanjung dan Pantai Timur Semenanjung. Bagi zon selatan semenanjung, kewujudan pangkalan TLDM di bahagian ini adalah sebagai sebuah pusat latihan dan anggota adalah kebanyakannya terdiri dari pelatih (rekrut) yang perkhidmatannya masih awal (tidak lebih setahun berkhidmat) yang mana mereka tidak sesuai dijadikan sampel kajian. Namun, sampel di bahagian zon selatan ini telah ditampung oleh anggota yang berada di ketiga-tiga zon yang dipilih mengikut jadual saiz sampel. Pemilihan zon-zon ini menggambarkan keseluruhan penempatan warga TLDM yang mewakili ATM sebagai sampel kajian.

1.11 Kepentingan Kajian

Kajian ini mengandungi beberapa kepentingan iaitu yang pertamanya ialah menyalurkan maklumat kepada Jabatan Arah KAGAT tentang konteks pelaksanaan yang digunakan dalam pelaksanaan program keagamaan di masjid-masjid ATM. Hal ini penting dalam usaha organisasi ini memperkukuhkan kerohanian warga ATM yang benar-benar berkualiti dan memberi kesan ke arah melahirkan kuasa tempur melalui kerohanian (*spiritual combat power*) para anggota. Ini kerana, segala sumber pengetahuan yang diperolehi dari kajian ini akan dijadikan rujukan di pangkalan atau



kem yang lain. Sel Pengurusan Masjid Jabatan Arah KAGAT boleh menjadikan hasil kajian ini untuk menstrukturkan modul pengajaran dalam program keagamaan di Masjid ATM. Selain itu, hasil kajian ini juga boleh dijadikan rujukan bagi pelaksanaan program-program keagamaan di masjid-masjid seluruh Malaysia.

Kedua, data-data yang dihasilkan dalam kajian ini dapat digunakan oleh pihak Jawatankuasa Pengimarahkan Masjid Angkatan Tentera (JIMAT) terdiri dari Pengerusi Masjid yang biasanya daripada Pegawai Tentera Terkanan dalam sesuatu garison atau kentomen untuk tujuan perancangan dan penganjuran program keagamaan di Masjid ATM. Pihak JIMAT dapat merancang untuk menganjurkan program berdasarkan modul-modul pengajaran yang sesuai dan diminati oleh para anggota jemaah dan memberi kepuasan kepada mereka.



Ketiga, kajian ini juga berkepentingan kepada pengkuliah atau tenaga pengajar di masjid-masjid ATM yang terdiri daripada pegawai dan anggota KAGAT. Mereka adalah individu atau kumpulan yang sentiasa memberi bimbingan pengajaran di masjid ATM yang menjadi “*core business*” kepada tugas mereka. Di samping itu, masjid ATM juga seringkali menjemput pengkuliah-pengkuliah awam yang datang dari luar kem atau pangkalan. Justeru, hasil kajian ini juga memberi panduan kepada mereka untuk menjadi tenaga pengajar atau pengkuliah dalam program keagamaan di masjid ATM.

Yang terakhirnya, iaitu yang keempat adalah kajian ini penting kepada para jemaah masjid ATM yang terdiri dari anggota tentera dan keluarga serta masyarakat awam sekitar. Kepentingan kajian ini terutamanya adalah untuk menilai tahap penerimaan mereka dan kesan langsung untuk melahirkan kekuatan tempur melalui





kerohanian (*spritual combat power*) pada setiap anggota tentera. Ini kerana modul-modul pengajaran yang disampaikan dengan berstrategi boleh memberi impak yang maksima kepada mereka dan boleh menarik minat mereka untuk datang mengimarahkan masjid dalam program-program yang dianjurkan. Apa yang penting juga ialah tahap kepuasan jemaah perlu diutamakan kerana mereka adalah *mad'u* yang menjadi penuntut ilmu di masjid-masjid ATM.

Empat kepentingan kajian yang dinyatakan di atas sekiranya dapat diimplimentasikan dengan betul dan sistematik diyakini dapat melahirkan Masjid ATM yang subur dengan pelaksanaan program keagamaan yang mantap dan menjadi daya tarikan untuk para jemaah memenuhi setiap waktu ketika program dianjurkan.



1.12 Kesimpulan

Pelaksanaan program keagamaan yang berterusan dan berimpak tinggi merupakan satu keperluan dalam membentuk kekuatan dalaman anggota tentera. Kejayaan sesuatu operasi tentera tidak hanya bergantung kepada kelebihan dan kecanggihan persenjataan sahaja, akan tetapi turut dibantu oleh elemen spiritual yang terdapat pada diri anggota tentera tersebut. Bagi meningkatkan kekuatan dalaman dan kerohanian setiap peringkat anggota tentera, ATM tidak terlepas daripada tanggungjawab melaksanakan pelbagai program keagamaan. Beberapa dasar telah diperkenalkan bagi tujuan itu antaranya DPMKI ATM yang diwartakan melalui Perintah Majlis Angkatan Tentera Bilangan 9 Tahun 1991 (PMAT 9/91). Sehubungan dengan itu, kajian ini bermatlamat mengenalpasti tahap penerimaan konteks, input dan proses pelaksanaan program





keagamaan di Masjid ATM dan sekaligus mengenalpasti tahap hasil pencapaian pelaksanaan program tersebut.

